

Headline	Jangkitan HIV di Swak meingkat		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	24 May 2017	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	5	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	481 cm ²
Journalist	MICHEALSERING	AdValue	RM 2,465
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,395



Jangkitan HIV di S'wak meingkat

MICHEAL SERING

KUCHING: Sarawak sedang menyaksikan peningkatan berterusan jangkitan penyakit HIV/AIDS dalam kalangan penduduknya dengan kebanyakan mereka telah dijangkiti penyakit itu akibat hubungan seks dengan ramai pasangan.

Ketua Sektor HIV/STI, Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan, Dr Anita Suleiman berkata berdasarkan statistik Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak tahun lepas keseluruhannya sebanyak 275 kes jangkitan baharu penyakit HIV/AIDS dilaporkan di negeri ini yang meningkat berbanding 255 kes itu pada 2015 dan 235 kes itu pada 2014.

"Bagi Sarawak, masih lagi majoriti yang telah dijangkiti penyakit itu disebabkan mereka mengamalkan hubungan seks dengan ramai pasangan termasuk yang sama jantina dan berbeza negeri di Semenanjung yang kebanyakan jangkitan disebabkan pengambilan dadah secara suntikan,"katanya ketika majlis perasmian Pusat Sokongan Sehenti Kuching "Teratak Kasih Tok Nan" yang khusus bagi memberi pelbagai perkhidmatan kepada penghidap HIV di negeri ini, di Jalan Crookshank, di sini, semalam.

Pusat terbabit pertama diwujudkan di negeri ini telah dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Datu, Datuk Amar Datin Patinggi Jamilah Anu dan majlis juga dihadiri Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak, Abang Shamsudin Abang Seruji dan Pengerusi Yayasan AIDS Malaysia, Professor Datuk DR Adeeba

Kamrulzaman.

Dr Anita berkata kes jangkitan penyakit HIV/AIDS baharu di negeri ini malahan dipercayai tiga kali lebih tinggi dari yang dilaporkan kepada JKN kerana ramai yang berisiko tinggi menghidapnya masih belum lagi menjalani ujian pengesanan HIV/AIDS.

Ini terutamanya di kalangan penduduk yang menetap di luar bandar dan pendalaman negeri ini dan menyarankan mereka yang berisiko dijangkiti penyakit itu untuk tampil menjalani ujian pengesanan HIV di klinik kesihatan yang berdekatan.

"Ini penting kerana sekiranya pesakit HIV/AIDS dikesan dan diberikan rawatan awal serta patuh kepada rawatan rapi ditetapkan doktor, mereka mungkin mengurangkan risiko menjangkiti orang lain melalui hubungan seks sehingga 97 peratus malahan juga boleh mengelakkan ibu mengandung menjangkiti bayi yang dilahirkannya,"katanya.

Disamping itu, statistik JKN Sarawak juga tahun lepas menunjukkan bahagian Sibul paling tinggi peratusan kes jangkitan baharu HIV/AIDS dengan sebanyak 20.5 peratus diikuti bahagian Bintulu (15.5 peratus), bahagian Miri (13.5 peratus), bahagian Sarikei (7.9 peratus) dan bahagian Kuching (7.4 peratus).

Beliau juga mendedahkan seluruh Malaysia tahun lepas sebanyak 3,397 kes jangkitan HIV/AIDS baharu telah dilaporkan di kalangan penduduk negara ini dengan ketika ini negara ini juga ada hampir 93,000 penduduk yang masih hidup dengan HIV.

Headline	Jangkitan HIV di Swak meingkat		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	24 May 2017	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	5	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	481 cm ²
Journalist	MICHEALSERING	AdValue	RM 2,465
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,395



DIRASMIKAN... Datuk Amar Hajah Jamilah Haji Anu diiringi Abang Shamsuddin, menandatangani plak sebagai simbolik merasmikan Teratak Kasih Tok Nan" Kuching One Stop Support Centre, di Jalan Crookshank, di Kuching, petang semalam. • Foto AWANG KUSHAIRY JUNAIDI



KOMUNITI... "Teratak Kasih Tok Nan".